



**KERAJAAN MALAYSIA**

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI  
NO. 1 TAHUN 2018**

**SIRI 1 NO.1 TAHUN 2018**

**GERAKAN PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH DALAM  
PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA:**

**PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS  
SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC), SYARIKAT-SYARIKAT YANG  
DIMILIKI OLEH KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN TERMASUK  
DI BAWAH KERAJAAN NEGERI**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

**OKTOBER 2018**

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI**

**NO. 1 TAHUN 2018**

**SIRI 1 NO.1 TAHUN 2018**

**GERAKAN PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH DALAM  
PENGURUSAN PENTADBIRAN KERAJAAN MALAYSIA:**

**PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS  
SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC), SYARIKAT-SYARIKAT YANG  
DIMILIKI OLEH KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN TERMASUK  
DI BAWAH KERAJAAN NEGERI**

## KANDUNGAN

1. Tujuan	3
2. Latar Belakang	3
3. Peranan Unit Integriti Dan Governans (IGU)	4
4. Penarafan Risiko Organisasi	4
5. Tempoh Penubuhan	5
6. Kawal Selia dan Pelaporan	5
7. Penutup	5
8. Tarikh Kuatkuasa	5

**ARAHAN YAB PERDANA MENTERI  
NO. 1 TAHUN 2018**

**SIRI 1 NO.1 TAHUN 2018**

**PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS  
SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC), SYARIKAT-SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH  
KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN TERMASUK  
DI BAWAH KERAJAAN NEGERI**

**TUJUAN**

1. Arahan ini menetapkan supaya semua Ketua Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies* - GLC), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri menubuhkan Unit Integriti dan Governans (*Integrity and Governance Unit* – IGU) dan seterusnya melaksanakan empat (4) fungsi teras yang dinyatakan di dalam arahan ini.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam yang bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di dalam kalangan penjawat awam. Sehubungan itu, Arahan Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam ini telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013.

3. Keberkesanan penubuhan Unit Integriti di agensi awam ini telah dijadikan tanda aras oleh Kerajaan untuk memajukan inisiatif ini kepada semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies* - GLC), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri.

4. Pada *Invest Malaysia Kuala Lumpur* 2017 (IMKL 2017) bertarikh 25 Julai 2017, Kerajaan telah mempersetujui agar semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies* -

GLC), Syarikat-Syarikat Yang Dimiliki Oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri menubuhkan IGU yang akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

5. Penubuhan IGU ini adalah diyakini dapat membantu Syarikat-syarikat di dalam memperkukuhkan kawalan dalaman bagi mencegah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Seterusnya mewujudkan budaya perniagaan yang bersih dan sihat sekaligus meningkatkan ekonomi negara.

#### **PERANAN UNIT INTEGRITI DAN GOVERNANS (IGU)**

6. IGU yang ditubuhkan akan berperanan untuk membudayakan prinsip membenci dan menolak rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam syarikat melalui empat (4) fungsi teras iaitu:

- a) Pengurusan Aduan;
- b) Pengesanan dan Pengesahan;
- c) Pengukuhan Integriti; dan
- d) Governans.

#### **PENARAFAN RISIKO ORGANISASI**

7. SPRM bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko organisasi bagi menetapkan struktur IGU yang bersesuaian. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Penarafan semula risiko organisasi dilaksanakan setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan.

8. Organisasi yang dikelaskan sebagai berisiko tinggi, adalah disyorkan jawatan Ketua Pegawai Integriti dan Governans / Chief Integrity and Governance Officer (CIGO) atau Pegawai Integriti dan Governans / Integrity and Governance Officer (IGO) diisi oleh skim Pegawai Siasatan SPRM. Manakala bagi yang berisiko sederhana dan rendah, jawatan berkenaan diisi oleh pegawai organisasi berkenaan.

## TEMPOH PENUBUHAN

9. Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies - GLC*), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri hendaklah menubuhkan IGU dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh arahan ini berkuat kuasa.

## KAWAL SELIA DAN PELAPORAN

10. SPRM melalui Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) adalah dipertanggungjawabkan untuk berperanan mengawal selia, memantau dan menyelaraskan pelaksanaan fungsi IGU ini.

11. IGU dikehendaki mengemukakan pelaporan pelaksanaan aktiviti setiap enam (6) bulan sekali kepada Lembaga Pengarah dan BPIA, SPRM.

## PENUTUP

12. Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies - GLC*), Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri hendaklah memastikan IGU ditubuhkan supaya prinsip integriti dan keutuhan pengurusan dipertahankan serta memajukan prinsip governans dengan baik.

## TARIKH KUATKUASA

10. Arahan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.



( TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD )

Perdana Menteri Malaysia

Tarikh: 2018